

17 JAN 2001

Mahathir-Jepun

DR MAHATHIR NASIHAT JEPUN IKUT CARA SENDIRI

Oleh: D Arul Rajoo

OSAKA, 17 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Jepun supaya terus mengikut caranya sendiri dalam menguruskan ekonomi dan amalan perniagaan yang telah menjadikan mereka kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia daripada meniru sistem Barat.

Katanya hubungan kerja rapat antara kerajaan dan sektor perniagaan, yang telah menyebabkan Jepun meraih gelaran, "Japan Incorporated", telah memainkan peranan penting dalam pemulihan Jepun selepas Perang Dunia Kedua.

"Akhir-akhir ini, kita menyaksikan cubaan untuk menyerap ciri Barat kepada semua aspek masyarakat Jepun, terutamanya pengurusan Jepun dalam ekonominya dan amalan perniagaan Jepun," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa selepas beberapa dekad melakukan sesuatu mengikut cara Jepun, mereka tiba-tiba mahu berubah dan melakukan semuanya mengikut cara Barat, dan lebih teruk lagi mereka mahu ia berhasil dengan serta merta.

Perdana Menteri berkata demikian dalam bukunya, "Reflections on Asia," yang mengandungi rencana bulanan yang ditulis oleh beliau bagi Mainichi Daily News of Japan antara Februari 1999 dan Jun 2000.

Bab ke-18, bertajuk "Japan Must Regain Confidence" (Jepun Perlu Pulih Keyakinan), ditulis khas bagi buku itu yang akan dilancarkan oleh Dr Mahathir di sini esok sempena lawatan empat harinya. Versi Jepun pula bertajuk "Voice from Asia to Japan".

Dr Mahathir menulis bahawa sementara syarikat-syarikat Jepun berjaya kerana mereka masih mengeluarkan pelbagai produk baru tanpa henti termasuk kereta, mereka sebaliknya gagal dan memberhentikan pekerja, sesuatu yang jarang berlaku pada masa lalu.

"Sebabnya ialah keinginan untuk mengguna pakai amalan perniagaan Barat," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan Jepun telah menaikkan semangat Asia yang kagum dengan etika kerja dan strategi perniagaannya, yang telah membawa banyak manfaat kepada negara-negara miskin dan menghapuskan sepenuhnya tanggapan banyak negara Asia bahawa mereka tidak mampu mengeluarkan produk.

"Tetapi kini rakyat Jepun telah hilang keyakinan pada diri mereka sendiri. Mereka telah menolak hampir semua yang ada ciri Jepun dalam keghairahan untuk diterima oleh Barat," katanya.

Lagipun, kata Perdana Menteri, peranan Jepun dalam hal ehwal antarabangsa, sama ada politik, ekonomi atau sosial, masih kecil walaupun menjadi penyumbang terbesar bantuan asing kepada negara-negara membangun.

Dr Mahathir berkata terdapat tanggapan bahawa Jepun takut dituduh mempunyai cita-cita maharaja seperti idea "Lingkungan Kemakmuran Bersama Bagi Asia Timur" semasa perang.

"Kerajaan, dan rakyat Jepun sendiri, kini mahu mengelak sebarang syak bahawa ia mahu memulihkan konsep itu dalam apa jua bentuk," katanya.

Namun di sebalik Jepun dikutuk kerana konsep "Japan Incorporated", negara-negara Barat juga sama-sama bersalah kerana mengamalkan kronisme, hubungan antara sahabat dan nepotisme, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan Barat terkenal memberikan subsidi besar-besaran bagi banyak industri serta bagi industri yang baru memulakan perniagaan selain produk pertanian.

"Kerajaan menghantar menteri-menteri mereka ke luar negara untuk melobi kontrak bagi syarikat-syarikat mereka, dan sering kali menawarkan pinjaman bagi perkara-perkara yang tidak berkaitan bagi melancarkan lagi tawaran

itu," katanya.

Lagipun, idea mengenai globalisasi, liberalisasi, pembatalan kawal selia dan ketelusan dicetuskan oleh sektor swasta di Barat dan kerajaan mereka memaksa mereka dengan menggunakan pujukan dan ancaman dalam cara yang lebih teruk daripada kerjasama sektor swasta dan awam Jepun yang hanya bersifat domestik, katanya.

"Bagaimanapun, negara-negara Barat ini berjaya menggambarkan bahawa amalan mereka betul tetapi sistem serupa oleh orang Jepun adalah salah.

"Tetapi kenapa berubah bila anda berjaya dengan pengurusan dan pemilikan swasta cara lama anda serta sokongan berterusan bagi pekerja anda?" katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai Yen, dengan menyatakan bahawa jika ia diuruskan dengan betul, ia akan menyumbang ke arah pemulihan pesat bagi Jepun.

"Tetapi Jepun belum bersedia untuk membenarkan penyelesaian perdagangan dalam Yen atau menyimpan Yen di negara-negara yang paling memerlukannya. Sebaliknya, ia sedang digunakan untuk menyokong yang kaya dan berkuasa," kata perdana menteri.

Dr Mahathir berkata Jepun tidak akan melaksanakan kawalan Yen dan kenaikan dan penurunannya akan memberi kesan teruk terhadap pemulihan negara.

Menurutnya hanya kadar tukaran asing yang kukuh dapat mempercepatkan pemulihan ekonomi di mana-mana sahaja, termasuk di Jepun.

-- BERNAMA

AR ZS RHM MAI